

Headline **Sumbangan ringankan beban**
Date **20 May 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **408 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,064**
PRValue **24,192**



Sumbangan ringankan beban

PRIHATIN terhadap golongan kurang bernasib telah mendorong Kelab Sukan dan Sosial Dutch Lady Malaysia (KSSDLMI) mengadakan lawatan amal ke Pusat Jagaan Nur Salam yang bertempat di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lawatan yang diketuai Presiden KSSDLMI, Aminuddin Nadzari dan disertai Pengurus Hal Ehwal Korporat, Rohana Safinah Abdul Hamid itu, merupakan sebahagian daripada aktiviti bagi memenuhi tanggungjawab korporat syarikat tersebut.

Menurut Aminuddin, ia juga adalah titik permulaan sumbangan Dutch Lady Malaysia terhadap pusat tersebut iaitu sejumlah bekalan susu setiap bulan.

"Bagi pihak KSSDLMI, lawatan kami ini adalah untuk mendapat taklimat daripada pihak pengurusan Pusat Jagaan Nur Salam serta mengenalpasti perkara-perkara yang dapat kami bantu pada masa akan datang," katanya.

Menurutnya, antara bantuan yang telah dikenalpasti ialah menyediakan latihan untuk sukan futsal memandangkan, pusat tersebut mempunyai pemain-pemain yang juga

jaguh daerah.

"Jadi, ada eloknya jika pasukan futsal kelab sukan kami dapat berganding bahu dan menjalankan latihan mingguan bersama.

"Mungkin dengan cara ini, kos sewa gelanggang futsal kami dapat juga menampung kos pasukan pusat ini yang rata-ratanya terdiri daripada belia-belia masa depan negara," katanya.

Sebagai kelab sukan dan sosial, kata Aminuddin, ahli-ahlinya amat prihatin terhadap usaha pihak badan bukan

kerajaan (NGO) dalam memperbaiki keadaan kehidupan sesetengah golongan yang kurang bernasib baik.

Ditambah pula jika mereka ini adalah dari golongan kanak-kanak seperti Pusat Jagaan Rumah Nur Salam yang semestinya memerlukan bantuan dan perhatian.

Aminuddin menerangkan, kerja amal yang dirancang untuk pusat tersebut adalah yang pertama dan akan diteruskan kepada pertubuhan kebajikan yang lain.

Sementara itu Pengasas Rumah Nur Salam, Raja Azizan Suhaimi Raja Abd. Latiff, berkata, sumbangan dari mana-mana syarikat amat dihargai

terutama jika ia sumbangan yang amat diperlukan kanak-kanak di bawah

penjagaan pusat tersebut.

"Kami menghargai segala bentuk sumbangan untuk kanak-kanak di sini. Alhamdulillah, selama ini pusat sentiasa mendapat perhatian pihak-pihak korporat mahupun individu.

"Diharapkan keadaan ini akan berterusan memandangkan kami beroperasi sebagai sebuah badan NGO yang tidak berasaskan keuntungan," katanya.

Melalui bantuan tersebut, pihak pengurusan dapat lebih fokus terhadap memberi penjagaan yang terbaik kepada para penghuni di pusat tersebut.

"Selain memberi perlindungan kami

juga bertanggungjawab membentuk minda serta kehidupan mereka yang di bawah kelolaan pusat ini," kata Raja Azizan lagi.

Rumah Nur Salam ditubuhkan dengan kolaborasi Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Chow Kit di mana ia dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Wilayah Persekutuan) dan Yayasan Salam Malaysia.

PAKK pada mulanya hanyalah pusat penjagaan siang hari, namun disebabkan keperluan di kawasan tersebut yang semakin tinggi dari pukul 10 pagi hingga 5 petang, kolaborasi antara Yayasan Salam Malaysia telah membenarkan pusat jagaan untuk bergerak aktif 24 jam sehari.



KANAK-KANAK Pusat Jagaan Nur Salam teruja dengan sumbangan susu daripada Dutch Lady Malaysia.



AMINUDDIN
NADZARI